KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			



SEEKOR gajah liar yang berjaya dirakam ketika menceroboh ladang milik Aqim Marzuki di di Batu 14, Jalan Mersing di Kluang, Johor. - UTUSAN/NUR NABILAH RAHMAT

Utusan
7 1 2022_32

Gajah liar perosak

KLUANG: Penduduk di Batu 14 Jalan Mersing di sini kerugian lebih RM200,000 sejak 2017 berikutan ancaman dan pencerobohan gajah liar yang merosakkan tananam dan ternakan mereka.

Seorang penduduk, Aqim Marzuki , 33, berkata, masalah itu mula muncul selepas kawasan sekitar dilapangkan bagi penanaman semula kelapa sawit yang menyebabkan kawanan gajah terputus bekalan makanan iaitu pelepah sawit.

Katanya, kehadiran gajah berkenaan amat membimbangkan dan menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian yang berterusan sejak beberapa tahun lalu.

Dalam kejadian terbaharu yang berlaku kelmarin, kira-kira 60 ekor gajah liar muncul dan merosakkan tanaman milik penduduk.

Katanya, masalah pencerobohan gajah liar ke ladangnya telah diadukan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sebelum ini.

"Apa tindakan dan bantuan yang boleh diberikan kepada pengusaha seperti kami ini yang berdepan masalah pencerobohan haiwan liar.

"Kerajaan selalu meminta penternak meningkatkan hasil pengeluaran tetapi apakah jenis bantuan yang diberi kepada penternak" katanya.

Jelas Aqim, masalah itu memang pernah berlaku sebelum ini tetapi pencerobohan gajah terbabit dahulu berlaku kira-kira empat kali setahun.